

UMS tubuh Pasukan Khas Perubatan Kecemasan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

WB 9. MEI. 2013 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menubuhkan Pasukan Khas Perubatan Kecemasan sebagai langkah proaktif membantu kerajaan menangani isu-isu kecemasan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah berkata, sebagai negeri kedua terbesar di Malaysia, UMS sentiasa memantau pelbagai kemungkinan melibatkan bencana atau kecemasan yang berlaku di Sabah.

Sehubungan itu katanya, menerusi penubuhan pasukan terbabit, pihaknya dapat membantu masyarakat apabila berlaku sesuatu bencana.

"Pasukan ini nanti terdiri dari kalangan kakitangan perubatan UMS, namun dalam masa yang sama kita juga melibatkan pelajar sebagai pendedahan kepada mereka.

"Kita dalam proses menyediakan kertas kerja dan selepas penubuhannya, ia akan memulakan operasi yang berpusat di kampus utama UMS di sini," katanya.

Harun berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Hari Kesedaran Pengurusan Bencana dan Kecemasan anjuran Sekolah Perubatan (SPU) UMS, di sini kelmarin.

Tambahnya, antara langkah awal yang dilaksanakan UMS sebagai persediaan penubuhan pasukan itu dengan mengadakan bengkel mengenai kesedaran pengurusan bencana dan kecemasan.

"Bengkel ini memberi peluang kepada warga UMS berkongsi kepakaran dan pengetahuan untuk memahami prosedur keselamatan dalam mengendalikan bencana atau kecemasan.

"Menerusi pengetahuan ini, kita dapat menguatkan lagi asas bagi semua penambahbaikan ke arah melancarkan semua aktiviti yang berkaitan dengan langkah menangani bencana," jelasnya. Sementara itu, Dekan SPU UMS, Prof Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, pada 10 hingga 12 Mei ini, pihaknya akan menghantar satu pasukan ke kawasan yang terlibat dengan insiden pencerobohan di Lahad Datu.

Menurutnya, antara aktiviti yang dijalankan termasuklah ceramah dan kaunseling mengenai keselamatan serta penyerahan sumbangan kepada penduduk setempat.

Setakat ini pihaknya berjaya mengumpulkan sebanyak RM8,000 untuk barangan keperluan yang disumbangkan kepada pihak yang terlibat.



KEROSAKAN penutup longkang yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang awam.